LATIHAN ULANG KAJI PENDIDIKAN MORAL TAHUN 6
TEMA : SAYA DAN NEGARA
UNIT 3: Rakyat Baik Hati Membawa Berkat
Nilai Tanggungjawab

Nama :

Susun peristiwa yang berlaku sempena kempen kemanusiaan mengikut urutan berdasarkan pemberitahuan di bawah

Kempen Kemanusian Mangsa Banjir di Kelantan
Tajaan Pasar Raya Mahmud Bandar Baru Uda

Orang ramai dialu-alukan untuk menghulurkan bantuan kepada mangsa-mangsa banjir di Kelantan. Orang ramai boleh membeli barang-barang asas seperti tepung, gula, Milo, teh, susu, lampin pakai buang, tuala wanita, biskut, beras dan mi segera dengan harga yang murah untuk disumbangkan kepada mangsa banjir.

Barang-barang yang telah dibeli perlu diletakkan di dalam tong-tong yang akan pihak kami sediakan di pintu masuk. Barang-barang itu akan diasingkan mengikut jenis oleh kakitangan kami.

Pihak kami sangat berbesar hati dengan bantuan yang anda hulurkan. Bantuan tersebut akan dihantar oleh kakitangan kami sendiri kepada mangsa-mangsa banjir pada pertengahan bulan ini. Sama-samalah kita membantu agar mereka mendapat keperluan asas yang mencukupi.

Pengurus Pasar Raya Mahmud,
Zainal Abidin



Letakkan barang dalam tong yang disediakan

Beli barang di Pasar Raya Mahmud

Barang akan diasingkan mengikut jenis

Barang akan dihantar oleh kakitangan kepada mangsa

mangsa menerima bantuan

LIVEWORKSHEETS